

Headline	Dagangan ditutup lebih tinggi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	30 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B12
ArticleSize	206 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,839		



Dagangan ditutup lebih tinggi

» *Minat belian, lonjak pasaran serantau pacu bursa tempatan*

Harga saham di Bursa Malaysia mengakhiri dagangan semalam pada paras lebih tinggi, dengan dorongan minat belian menyeluruh dan sejajar dengan arah aliran meningkat pasaran serantau.

FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI), yang bergerak di antara 1,780.21 mata dan 1,794.13 mata, menamatkan dagangan hari ini 7.98 mata lebih tinggi pada 1,789.23.

Peniaga berkata, kebanyakan pasaran saham Asia mengukuh semalam apabila keseimbangan tentang ekonomi sedang muncul diredakan oleh kenaikan agresif kadar faedah bank pusat Turki yang mengikut jejak India, untuk menstabilkan mata wangnya.

“Langkah China menyerapkan dana ke dalam sistem perbankan-nya juga menggalakkan pencapaian prestasi yang lebih tinggi dalam pasaran ekuiti serantau,” kata peniaga itu.

Pelabur kini menunggu keputusan mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia, yang dijadualkan mengumumkan kenyataan dasar monetari pada jam 6.00 petang ini.

Kaunter berwajaran tinggi Maybank naik 2.0 sen kepada RM9.60, TNB menokok lapan sen kepada RM11.24 dan CIMB mengukuh tujuh sen kepada RM6.91.

Antara saham cergas, KNM meningkat 5.5 sen kepada 62.5 sen tetapi Green Packet turun setengah sen kepada 44.5 sen.

Persekitaran pasaran positif apabila saham untung mengatasi saham rugi dengan jumlah 494 berbanding 222, manakala 297 kaunter tidak berubah, 591 tidak diniagakan dan 30 yang lain digantung urusan niaga.

Jumlah dagangan bertambah kepada 1.4 bilion saham bernilai RM1.74 bilion daripada 1.362 bilion saham bernilai RM1.863 bilion yang dicatatkan kelmarin.

Di papan skor, Indeks Perladangan meningkat 15.17 mata kepada 8,377.7 mata, Indeks Perusahaan 16.38 mata lebih tinggi pada 3,046.9 mata dan Indeks Kewangan melonjak 103.17 mata kepada 16,389.64 mata.

Indeks FBM Emas mengukuh 62.69 mata kepada 12,367.35 mata, Indeks FBMT100 menokok 56.9 mata kepada 12,083.23 mata, Indeks FBM

Ace bertambah 66.91 mata kepada 5,890.35 dan Indeks FBM 70 naik 76.14 mata kepada 13,684.47 mata.

Jumlah dagangan Pasaran Utama meningkat kepada 1.15 bilion unit bernilai RM1.67 bilion daripada 1.095 bilion unit bernilai RM1.791 bilion kelmarin.

Pasaran ACE mencatatkan penurunan jumlah dagangan kepada 204.52 juta saham bernilai RM58.47 juta daripada 222.43 juta saham bernilai RM67.3 juta sebelumnya.

Waran susut jumlahnya kepada 34.57 juta unit bernilai RM3.1 juta daripada 43.43 juta unit bernilai RM4.034 juta.

Barangan pengguna menguasai 126.13 juta saham yang diniagakan dalam Pasaran Utama, barangan perusahaan 231.15 juta, pembinaan 57.15 juta, perdagangan dan perkhidmatan 290.68 juta, teknologi 128.48 juta, prasarana 38.25 juta, SPAC 46.93 juta, kewangan 37.78 juta, hotel 54,400, harta 171.21 juta, perladangan 22.47 juta, perlombongan tiada, REIT 9.62 juta dan dana tertutup 6,000.

BERNAMA